



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR NOTIS SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan UPEN serta berpengalaman dalam perkhidmatan dan bekalan berkaitan seperti berikut :-

| No. Sebut harga | Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebut harga | Kelayakan Penyebut harga | Tarikh & Tempat Dokumen Mula Dijual | Taklimat & Lawatan Tapak (Diwajibkan) | Harga Dokumen |
|-----------------|--|---|---|--|--|
| SH/PTGS/05/2023 | Perkhidmatan Penyelenggaraan/ Pembaikan Serta Membekal Alat Ganti Untuk Penghawa Dingin Jenis <i>Split</i> Unit Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor | Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 220301 yang masih sah dan berkuatkuasa DAN Surat Pengesahan Pendaftaran Sistem Tender Online Selangor (UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa | 16 Mac 2023 (Khamis) dokumen meja tawaran mula dipamerkan dan boleh dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0 21 Mac 2023 (Selasa) dokumen sebut harga akan dijual dan dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0 | Tarikh/ Hari 21 Mac 2023/Selasa Jam: 2.00 Petang Tempat Bilik Mesyuarat Gemilang 2, PTGS Nota: HANYA PENAMA di dalam Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia sahaja yang boleh menyertai sesi taklimat sebut harga ini | RM20.00 Pembayaran melalui Sistem Tender Online Selangor 2.0 Sahaja |

1. Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai **16 Mac 2023 (Khamis)** pada waktu pejabat dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0.
2. Dokumen sebut harga akan dijual dari **21 Mac 2023 (Selasa) hingga 3 April 2023 (Isnin) sebelum 12.00 tengahari** dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0. Dokumen sebut harga TIDAK akan dijual selepas tempoh ini.

3. Semua Penyebut Harga yang berminat untuk menyertai sebut harga ini wajib hadir semasa Taklimat Sebut Harga dan Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut:
 - (a) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 220301 yang masih sah dan berkuatkuasa;
 - (b) Berdaftar dengan Sistem Tender Online Selangor 2.0 (Sijil UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa;
 - (c) Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
 - (d) Sijil Taraf Bumiputera Kontraktor Kerja Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang masih sah dan berkuatkuasa; dan
 - (e) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia yang masih sah dan berkuatkuasa
4. Setiap Penyebut Harga hanya dibenarkan menghantar maksimum dua (2) orang wakil sahaja dimana hanya PENAMA di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia sahaja yang boleh menyertai sesi taklimat sebut harga ini. Penyebut Harga yang tidak menyertai sesi taklimat tidak akan dipertimbangkan dan semua surat menyurat berkaitan dengannya tidak akan dilayan. **Mohon kemukakan Surat Perwakilan Kuasa jika wakil yang menghadiri sesi taklimat selain PENAMA di dalam Sijil Kementerian Kewangan Malaysia.**
5. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada Penyebut Harga/ wakil yang sah sahaja serta menyertai sesi taklimat sebut harga ini. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada Penyebut Harga/ wakil yang sah sahaja dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0 **mulai 21 Mac 2023 (Selasa) hingga 3 April 2023 (Isnin) sebelum 12.00 tengahari.**
6. Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam sampul yang berasingan dan berlakri. Setiap satu sampul hendaklah dilabelkan "Tawaran Teknikal" dan "Tawaran Kewangan" di sebelah kiri atas sampul kemudiannya kedua-dua sampul dimasukkan ke dalam sampul besar dan ditandakan dengan jelas pada bahagian atau sampul atau bungkusan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Pejabat seperti berikut:

SULIT-SH/PTGS/05/2023

**Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 4, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam, SELANGOR**

7. Tarikh tutup sebut harga ini adalah pada **3 April 2023 (Isnin) jam 12.00 tengahari.**

Tarikh: **15 Mac 2023**

Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor